



TEKS UCAPAN

**YB TUAN ADLY ZAHARI
TIMBALAN MENTERI PERTAHANAN**

**SEMPENA MAJLIS MENANDATANGANI
PERJANJIAN JUAL BELI SAHAM AFFIN ANTARA
LEMBAGA TABUNG ANGKATAN TENTERA (LTAT) DENGAN
KERAJAAN NEGERI SARAWAK**

27 SEPTEMBER 2024 | SHERATON HOTEL, KUCHING

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera.

- **Yang Amat Berhormat Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari Bin Tun Datuk Abang Haji Openg**
Premier, Kerajaan Negeri Sarawak
- **Yang Berhormat Datuk Amar Professor Dr. Sim Kui Hian**
Timbalan Premier, Kerajaan Negeri Sarawak
- Yang Berhormat Menteri-Menteri Sarawak
- Yang Berhormat Timbalan-Timbalan Menteri Sarawak
- **Yang Berbahagia Jeneral Tan Sri Dato' Sri Azizan bin Ariffin TUDM (Bersara)**
Pengerusi Lembaga Tabung Angkatan Tentera
- **Yang Berusaha Encik Mohammad Ashraf bin Md Radzi**
Ketua Eksekutif Lembaga Tabung Angkatan Tentera
- **Yang Berbahagia Dato' Agil Natt**
Pengerusi Affin Bank Berhad
- **Yang Berbahagia Datuk Wan Razly Abdullah Bin Wan Ali**
Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan
- Dif-dif Kenamaan
- Ahli-ahli Yang Berhormat
- Pengurusan Tertinggi Lembaga Tabung Angkatan Tentera dan Affin Bank
- Ketua-Ketua Jabatan
- Tuan-Tuan Dan Puan-Puan yang saya hormati,

1. Syukur Alhamdulillah, segala puji bagi Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia-Nya, kita dapat berkumpul dalam acara yang bersejarah ini.
2. Saya amat berbesar hati diberikan peluang untuk berada di sini bersama hadirin sekalian bagi menyaksikan **Majlis Menandatangani Perjanjian Jual Beli Saham Affin Bank antara Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) dan Kerajaan Negeri Sarawak.**
3. Majlis ini menandakan satu titik penting, membuka lembaran baharu dalam peluang kerjasama, bakal membawa pelbagai manfaat kepada kedua-dua pihak selain impak positif kepada pertumbuhan serta kemajuan ekonomi negara. Saya amat berbangga menjadi sebahagian daripada detik bersejarah ini.
4. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak, terutamanya Kerajaan Negeri Sarawak, di atas sokongan mereka yang menjadi tunjang dalam merealisasikan perjanjian ini. Dedikasi, kerja keras, dan komitmen kedua-dua pihak yang tidak pernah goyah telah membawa kita ke saat bersejarah ini.
5. Perjanjian ini dijangka akan memberi manfaat yang cukup besar kepada simpanan persaraan anggota Angkatan Tentera Malaysia di LTAT. Melalui kerjasama pelaburan strategik ini, dana persaraan anggota ATM akan diuruskan dengan lebih berkesan dan efisien, memastikan pulangan yang lebih baik dan stabil.
6. Ini bukan sahaja meningkatkan kestabilan kewangan selepas persaraan, tetapi juga memberi jaminan dalam menyusuri masa depan yang lebih cerah.

Hadirin yang dihormati,

7. Hari ini, kita menyaksikan kesinambungan perjalanan pertumbuhan Affin Bank Berhad, yang bermula dengan penubuhannya pada tahun 1975. Mula dikenali sebagai Perwira Habib Bank Berhad, ia dijenamakan semula sebagai Affin Holdings Berhad pada tahun 1994 selepas proses penstrukturan semula modal. Pada tahun 2018, Affin Bank Berhad telah disenaraikan di Bursa Malaysia, menggantikan Affin Holdings Berhad sebagai pemegang saham utama.
8. Pegangan saham LTAT dalam Affin Holdings Berhad telah dipindahkan kepada Affin Bank Berhad, menandakan satu pencapaian penting dalam portfolio pelaburan LTAT. Hari ini, perjalanan ini diteruskan dengan kolaborasi bersama **Kerajaan Negeri Sarawak yang telah mengambil alih 31.25%** pegangan dalam Affin Bank Berhad, sekaligus menjadikan Kerajaan Negeri Sarawak sebagai rakan strategik terbesar dalam pelaburan ini.
9. Sebagai sebuah institusi yang menguruskan dana persaraan anggota ATM, pengambilalihan sebahagian pegangan LTAT dalam Affin Bank oleh Kerajaan Negeri Sarawak adalah satu langkah strategik bagi memastikan pertumbuhan dan perlindungan dana pencarum LTAT. Keputusan strategik ini dijangka menghasilkan pulangan positif dalam bentuk dividen yang kompetitif serta mampan kepada pencarum LTAT.
10. Saya juga ingin menegaskan bahawa langkah ini merupakan sebuah ***reinvestment strategy*** untuk mengoptimumkan portfolio LTAT dan menjamin penciptaan nilai jangka panjang bagi para pencarum. Strategi ini bakal mencipta peluang untuk LTAT melabur dalam portfolio yang berpotensi memberikan **pulangan lebih tinggi**, sambil **memperkuh kedudukan kewangan** serta **memaksimumkan manfaat kepada para pencarum**.

11. Ke hadapan ini, LTAT komited untuk terus memperkukuh portfolio pelaburannya demi menjamin kestabilan dan pertumbuhan dana yang konsisten dan memastikan wang caruman berkembang dengan selamat.
12. Selain itu, langkah ini turut membuka ruang kepada LTAT untuk menyusun semula portfolio pelaburannya dengan lebih berkesan, selaras dengan matlamat dan strategi yang telah digariskan dalam Kerangka Peruntukan Aset Strategik LTAT (SAA).
13. Melalui penyusunan ini, LTAT dapat mengoptimumkan potensi pertumbuhan dan meminima risiko, seterusnya memperkukuh kedudukan dana dalam menghadapi cabaran pasaran yang dinamik.
14. Selain itu, dengan memindahkan sebahagian kepentingan ini kepada pemegang saham yang mempunyai keupayaan kewangan kukuh, kami yakin langkah strategik ini akan memberi nilai tambah yang signifikan kepada Affin Bank melalui pertumbuhan perniagaan dan peningkatan keuntungan jangka panjang.
15. Bagi pihak Kementerian Pertahanan, saya beri jaminan, meskipun jualan ini dilakukan, LTAT akan kekal menjadi sebahagian pemegang saham utama dalam Affin Bank. Sebagai pengurus dana persaraan, LTAT perlu mengutamakan kepelbagaian aset dan menguruskan pelaburannya dengan memberi tumpuan kepada kestabilan dana serta pulangan yang berterusan.

Hadirin yang dihormati,

16. Affin Bank Berhad berdiri sebagai simbol kecemerlangan, menawarkan model Perbankan Tiga Serangkai yang merangkumi perbankan komersial, perbankan Islam, dan perbankan pelaburan.

17. Model ini menyediakan spektrum pelbagai produk dan perkhidmatan, memastikan keperluan perbankan Sarawak dan rakyatnya dipenuhi dengan pantas dan berkesan.
18. Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, prestasi cemerlang Affin Bank jelas mencerminkan keupayaannya sebagai sebuah pemain utama dalam industri kewangan negara. Dengan aset melebihi RM100 bilion, ia kini berada dalam kedudukan sebagai bank bersaiz sederhana di Malaysia.
19. Bank ini mencatat pertumbuhan pinjaman sebanyak 11.2%, mengatasi purata industri, di samping pertumbuhan kukuh dalam deposit dan akaun simpanan semasa (CASA) masing-masing sebanyak 8.9% dan 21.5%.
20. Affin Bank juga telah memperkukuh infrastrukturnya untuk menyokong pertumbuhan dengan melaksanakan **transformasi digital** untuk memperluaskan capaian kepada masyarakat. Selain itu, permodalan pasaran Affin juga telah meningkat sebanyak RM2.3 bilion sejak tahun 2019 dengan kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 12.1%.
21. Majlis menandatangani perjanjian hari ini menandakan permulaan era kerjasama baharu, dan saya berasa optimis terhadap peluang-peluang strategik yang bakal dimanfaatkan bersama.
22. Komitmen dan dedikasi kita dalam memperkukuh ekonomi negara serta memenuhi keperluan rakyat adalah selari dengan aspirasi **Ekonomi MADANI**. Dengan semangat dan keyakinan, marilah kita merebut peluang ini, kerana usaha kita hari ini pasti akan memberikan impak besar dan manfaat jangka panjang kepada negara dan rakyat.

Hadirin yang dihormati,

23. Sebagai penutup, saya ingin sekali lagi merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam merealisasikan perjanjian ini.
24. Sumbangan anda amat bernilai, dan usaha anda pasti akan meninggalkan kesan yang berkekalan terhadap masa depan negara kita. Marilah kita terus berganding bahu, bekerjasama erat, untuk membina masa depan yang makmur, inklusif, dan mampan untuk semua.
25. Terima kasih, dan tahniah kepada tuan/puan di atas pencapaian yang luar biasa ini. Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.